

13/04/2001

Universiti wajar lahirkan pekerja teknikal: PM

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahu pihak universiti dapat melatih pelajar bagi melengkapkan mereka sebagai bakal guna tenaga teknikal untuk kepentingan negara.

Perdana Menteri berkata, ini bagi membolehkan pelajar meneruskan kegiatan pembangunan teknologi, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta menampung keperluan guna tenaga mahir yang amat diperlukan sektor industri negara.

"Lebih daripada itu, graduan bidang teknologi ini nanti diharap akan menjadi usahawan tekno yang dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

"Namun, semua harus ingat bahawa pengetahuan mengenai teknologi tanpa kecekapan penyusunan perniagaan, tidak akan menjamin kejayaan dalam perdagangan," katanya merasmikan pelancaran bahan tampalan gigi silverfil\ oleh sebuah syarikat swasta di Taman Teknologi Malaysia, dekat sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, fungsi institusi penyelidikan dan universiti dalam mempertingkatkan kegiatan penyelidikan berorientasikan pemasaran yang boleh dikomersialkan, adalah penting.

"Wawasan untuk menjadikan Malaysia negara perindustrian maju tidak akan tercapai jika kita tidak mempunyai tenaga penggerak yang mencukupi bagi merealisasikan wawasan itu," katanya.

Beliau berkata, usahawan negara perlu peka terhadap perubahan sistem ekonomi dunia dengan mengorak langkah untuk mencari pasaran luar, selain daripada pasaran tempatan.

Dr Mahathir juga berkata, pembabitan pihak swasta serta kerajaan sendiri dalam menjalankan usaha penyelidikan dan pembangunan masih pada tahap yang rendah.

Katanya, sebagai sebuah negara yang mahu melangkah ke era maju, semua pihak harus memberi keutamaan dalam penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan mutu keluaran produk tempatan.

Beliau berkata, pelbagai usaha dilaksanakan kerajaan ke arah itu melalui program mengikut skim peningkatan penyelidikan dalam bidang keutamaan dan mewujudkan Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara.

Kerajaan juga memperkemas agensi dan institusi penyelidikan dan pembangunan serta menggalakkan kegiatan penyelidikan dan pembangunan antara sektor swasta, institusi penyelidikan dan universiti.

"Selain daripada usaha ini, kerajaan melalui beberapa kementerian dan agensi menyediakan pelbagai program, insentif dan bantuan kewangan untuk menggalakkan aktiviti R&D dan meningkatkan kemahiran guna tenaga," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga menyediakan kemudahan modal teroka bagi mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk meningkatkan lagi kegiatan R&D melalui Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia, sebuah syarikat usaha sama antara kerajaan dan swasta bagi mempertingkatkan usaha untuk memperdagangkan hasil penyelidikan.

(END)